

Kelebihan Internet dalam P&P ::.

Era teknologi maklumat, World Wide Web (WWW) telah menjadikan internet lebih mesra pengguna di mana ia dapat mengintegrasikan grafik, teks dan bunyi ke dalam satu halaman paparan. E-pembelajaran ini dapat digunakan secara luas iaitu pelajar dapat mengakses bahan serta mempelajarinya mengikut keperluan sendiri dari segi masa teknik juga dalam keadaan tidak formal. Ia bersifat kos efektif di mana banyak bahan yang terdapat pada pelbagai laman mampu diakses oleh guru dan pelajar tanpa menggunakan banyak kos. Malah sumber percuma dalam internet banyak mendatangkan keuntungan kepada pengguna untuk tujuan e-pembelajaran dan juga bidang-bidang lain (Fakhrul, 2002). Ini berbeza dengan cara tradisional dimana kosnya lebih mahal untuk membeli buku, jurnal dan sebagainya. Ia juga menyediakan kandungan terkini iaitu bahan yang terdapat dalam internet mudah dikemaskini dan maklumatnya terkini. Ini bermakna pengguna khususnya pelajar dan guru dapat mencari maklumat yang terkini yang tidak terdapat dalam buku. Selain itu e-pembelajaran juga membantu perkongsian maklumat di mana setiap pengguna akan mendapat maklumat dari serata dunia melalui kaedah forum dalam talian, e-mail, video konferens dan 'chatting' atas talian. Dengan ini pelajar dapat berhubung dengan guru serta rakan pelajar yang lain dari serata dunia untuk berkongsi maklumat secara kolaboratif. Pengetahuan dalam e-pembelajaran juga dapat disebarluaskan secara serentak di mana

pelajar dapat mengakses maklumat dari mana-mana laman web yang dikehendaki secara serentak. Ia berbeza dengan kaedah tradisional yang mana pelajar terpaksa menunggu masa dan giliran untuk meminjam buku untuk mendapatkan maklumat. E-pembelajaran juga banyak menyediakan bahan bersifat interaktif yang mampu memberi maklumat serta mudah memberikan maklum balas (eLearningteacher.co.uk. 2003).

Kajian yang dilakukan oleh Usip dan Bee (1998) terhadap pelajar sarjana muda yang mengikuti kursus statistik di Youngstown State University mendapati pelajar yang mengikuti pendidikan jarak jauh secara web merasakan kaedah berkenaan adalah baik di dalam mendapatkan maklumat serta boleh menjadi alat untuk memperbaiki prestasi akademik. Kajian Woodul et.al. (1999-2000) pula, membuktikan bahawa kaedah pengajaran berbantuan komputer (Computer Asisted Instructions - CAI) telah membawa perubahan positif terutama ke atas individu yang mempunyai personaliti introvert di mana kajian beliau mendapati bahawa pelajar jenis ini lebih menikmati dan menghargai persekitaran online kerana ia memberi ruang dan privasi yang mereka tidakperolehi dalam persekitaran terbuka. Kajian ini dibuktikan pula oleh Livinggood (1995)

di mana internet telah banyak membantu mereka yang pendiam berkomunikasi dalam bentuk yang mereka suka iaitu dialog dalam bentuk penulisan dan boleh berhenti seketika untuk berfikir dan menganalisis. Walau bagaimanapun, internet juga amat bermanfaat bagi individu ekstrovert seperti kajian Owen dan Liles (1999) yang mendapati individu yang ekstrovert lebih banyak menggunakan internet kerana ia banyak memberi peluang untuk berhubung dengan lebih ramai orang dan dapat memenuhi kehidupan mereka yang lebih suka dengan kerja kumpulan.

Menurut kajian Marinah dan Ramlee (2003), 96.2% daripada responden yang mengikuti program pengurusan perniagaan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menggunakan web sebagai media pembelajaran dan sangat bersetuju bahawa web tersebut sangat berfaedah kepada pembelajaran mereka kerana kuliah di bilik darjah dapat disokong dengan maklumat, nota dan arahan yang dimasukkan ke dalam webCT yang dibina. Manakala dapatan kajian Inoue (1999-2000), penggunaan web adalah pelengkap berkesan kepada kuliah tradisional. Penggunaan perisian kursus pendidikan melalui aplikasi CD-ROM juga dapat membantu meningkatkan pengajaran guru dan menarik minat pelajar. Rio Sumarji Sharifuddin (1997) dalam kajiannya 'Pengajaran dan Pembelajaran Sains Berbantuan komputer' mendapati pembelajaran yang menggunakan kaedah perayauan (exploratory) dan penemuan lebih berjaya berbanding pelajar yang hanya didedahkan dengan kaedah tradisional. Sementara kajian-kajian ilmiah yang telah dijalankan oleh Kulik et. al. (1983; 1984; 1986) dan Robyler (1988) telah membuktikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) atau dalam erti kata lain penggunaan perisian pendidikan (courseware) telah meningkatkan mutu dan prestasi pengajaran dan pembelajaran dan satu kajian perbandingan telah menunjukkan bahawa pelajar yang menerima pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dengan berkombinasikan pengajaran guru boleh mengingati kembali fakta matematik 73% lebih daripada _____ pelajar _____ yang diajar guru sahaja (Hasselbring, et. al. 1988).


_____ .:: Perisian Editor ::. _____

Editor HTML

" Pakej editor dipilih berdasarkan keserasian dengan jenis komputer dan sistem operasi.

" Pakej editor merupakan editor berasaskan ikon atau WYSIWYG.


" Antara beberapa contoh editor html ialah :



Microsoft FrontPage



Macromedia Dreamweaver



Lain-lain :

- " Netscape Composer
- " Coffee Cup HTML Editor
- " HomeSite

_____ ::: Pelayan Web ::: _____

Pelayan web adalah paket perisian yang membolehkan pengguna untuk memapar dan berinteraksi dengan dokument yang di hos oleh pelayan web.. Pelayan web popular pada PC

termasuk Microsoft Internet Explorer dan Mozilla Firefox. Pelayar merupakan jenis agen pengguna paling biasa digunakan. Jaringan besar dokument berkaitan ini dikenali sebagai World Wide Web.

Pelayar Web berkomunikasi dengan pelayan web terutamanya dengan menggunakan HTTP (hyper-text transfer protocol) untuk mengambil laman web. HTTP membenarkan pelayar untuk menghantar maklumat kepada pelayan web dan juga mencapai paparan muka web dari mereka. Ketika ini, HTTP yang paling biasa digunakan adalah HTTP/1.1, yang ditakrifkan sepenuhnya di RFC - (Request for Comments) 2616. HTTP/1.1 mempunyai piawai sendiri yang tidak disokong sepenuhnya oleh Internet Explorer, tetapi disokong oleh kebanyakan pelayar web generasi sekarang.

Contoh-contoh pelayar web :

- Internet Explorer
- Netscape Navigator
- Mozilla Firefox
- Orbit

_____>:: Komponen Laman Web ::_____

Teks

Teks merupakan komponen utama dalam sesuatu laman web. Setiap laman web mesti mempunyai komponen ini untuk pelbagai tujuan terutamanya untuk menyampaikan kandungan sesuatu laman web kepada pengunjung. Tanpa teks, pengunjung tidak mungkin dapat memahami apakah yang cuba disampaikan dalam laman web itu.

Imej

Imej diperlukan dalam sesuatu laman web bagi pelbagai tujuan. Pertama sekali untuk menggambarkan sesuatu yang diterangkan di dalam laman web. Imej boleh berada dalam pelbagai format misalnya *.jpeg, *.bmp, *.psd dan sebagainya. Imej-imej ini jika dilihat dari sudut berbeza, memberikan pengguna kefahaman yang lebih mendalam dan menarik minat pengguna melayari ke laman web itu.

Grafik

Grafik merupakan komponen yang lebih kepada hiasan berbentuk klip art yang biasanya tidak memberi sebarang penerangan tetapi merupakan salah satu komponen yang penting untuk menceriakan sesuatu laman web. Ia biasanya terdapat dalam pelbagai format iaitu *.bmp, *.jpg dan *.gif.

Pautan

Pautan merupakan komponen yang sangat penting dalam suatu laman web. Ianya berfungsi untuk memautkan satu mukasurat ke satu mukasurat yang lain agar mudah dinavigasi oleh pengunjung laman web. Pengunjung laman web dapat melompat dari satu mukasurat ke mukasurat lain dengan cepat mengikut butang-butang pautan yang telah dilabelkan.

Pemetaan

Pemetaan digunakan untuk menyediakan satu paparan mudah yang menggambarkan keseluruhan pautan yang terlibat dalam sesuatu mukasurat yang terdapat dalam laman web. Pembangun laman web dapat merujuk pada pemetaan untuk memastikan bahawa mereka telah melengkapkan keseluruhan pautan yang terdapat dalam setiap mukasurat laman web yang dibinanya.

Borang

Borang merupakan salah satu komponen yang menggunakan pendekatan interaktif antara pengunjung laman web dengan pembangun laman web. Borang biasanya digunakan untuk pengguna mengisi maklumat diri, komen terhadap laman web, serta mendaftar untuk laman web tersebut.

Audio

Kebanyakan pembangun laman web kini gemar menyisipkan komponen audio dalam laman web mereka. Ini termasuklah suara pembangun itu sendiri atau lagu pada latarbelakang laman web itu. Pendekatan ini menarik minat pengunjung laman web kerana menghilangkan bosan dan ketegangan.

Video

Di zaman yang serba canggih ini, wujud pelbagai perkakasan baru yang membolehkan manusia berinteraksi dengan mudah. Salah satu cara ialah dengan memasukkan komponen video dalam laman web mereka agar dapat dilihat oleh pengunjung laman web. Komponen ini berbeza sedikit kerana melibatkan pergerakan gambar dunia sebenar.

Animasi

Tarikan utama sesuatu laman web adalah dengan memasukkan komponen animasi. Pembangun laman web boleh mencipta animasi mereka sendiri dengan menggunakan pelbagai perisian seperti Flash MX, Animation Shop, Macromedia Director dan sebagainya. Animasi boleh terdiri daripada pergerakan teks, imej, grafik serta menggabungkan audio secara serentak.